

15 OCT 2003

MAHATHIR-PELAN/I

MAHATHIR TEKANKAN RANCANGAN BANGKITKAN KEGEMILANGAN ISLAM

PUTRAJAYA, 15 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyeru dunia Islam mengkaji semula kekuatan dan kelemahan mereka ke arah merangka rancangan yang boleh mengembalikan semula era kegemilangan ummah dan Islam sejagat.

Perdana Menteri berkata orang Islam kini cenderung saling bersengketa dan berbunuhan antara satu sama yang menyebabkan hilang rasa hormat daripada komuniti lain.

"Kita bertindak, kita membalas balik tanpa memikirkan sama ada kita akan mencapai kemenangan ataupun tidak. Tiada sebarang pelan, tiada siapa merangka sebarang strategi.

"Oleh itu kita perlu berhenti sejenak, fikir dan majukan pelan, strategi bagaimana kita boleh membantu orang Islam mendapat semula tempat di alam sejagat ini," katanya semasa sesi dialog selepas membentangkan ucapan tamanya di Forum Perniagaan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), di sini.

Forum perniagaan selama dua hari itu diadakan bersempena dengan Sidang Kemuncak Persidangan Ketua-Ketua Negara Islam ke-10 yang dirasmikan di Pusat Konvensyen Putrajaya esok.

Dr Mahathir memukau audiennya dengan jawapan yang bernas dan kadang kala melucukan yang disampaikan dengan gaya berterus terang seperti kebiasannya.

Perdana Menteri, yang akan bersara pada akhir bulan ini selepas 22 tahun memerintah berkata, oleh kerana orang Islam enggan meneruskan pengajian dalam bidang lain selain agama, mereka menjadi lemah dan kemudian ditindas.

Beliau berkata merangka satu strategi bagi kebaikan masyarakat Islam bukan suatu yang mustahil.

"Kita boleh melakukannya, kita mempunyai aset tertentu dan saya percaya jika kita menilai apa yang kita ada, majukan satu rancangan dan laksanakan rancangan itu, Inshaallah kita boleh menyelesaikan kesulitan kita dan memulihkan semula ummah ke kedudukan yang sepatutnya," katanya.

Apabila ditanya apakah faktor yang paling penting menjadikan Malaysia berada di kedudukan sekarang, Dr Mahathir berkata ia adalah keupayaan masyarakat berbilang kaum untuk hidup, bekerja dan bermain bersama-sama.

Beliau berkata kehidupan kaum yang harmoni membolehkan negara menikmati kestabilan dan mewujudkan satu persekitaran yang kondusif bagi perniagaan dan pembangunan.

Menyentuh mengenai perkara lain, Dr Mahathir berkata dunia menghormati Islam sebelum ini kerana umat Islam terdahulu tidak terkeliru dengan terlalu banyak interpretasi, seperti apa yang berlaku sekarang.

Semasa zaman Nabi Muhammad saw, tiada golongan Sunnah, Syiah atau pengikut pelbagai Imam.

Bagaimanapun, hari ini, beliau berkata, pengikut Sunnah dan Syiah akan berperang dan berbunuhan antara satu sama lain.

"Inikah Islam? Jika ia tidak, jika kita bersetuju bahawa kerana terlalu banyak interpretasi mengenai Islamlah yang menyebabkan perpecahan dalam Islam, kita perlu kembali semula kepada Islam yang asal yang diajar oleh Rasulullah," katanya.

Apabila ditanya bagaimana beliau bercadang untuk menyampaikan ideanya selepas persaraannya, Dr Mahathir berkata beliau bersedia untuk berbuat demikian di mana-mana bahagian dunia sama ada dunia Islam mahupun bukan Islam sekiranya diperlukan.

"Dalam forum-forum seperti ini, mudah bagi saya memberikan pandangan. Tidak semestinya setiap orang perlu menerima pandangan saya. Saya boleh beri pandangan saya dan anda juga begitu.

"Kita boleh berbincang dan kita boleh menerima apa jua pandangan yang boleh dilaksanakan," katanya.

Terdahulu, Dr Mahathir menyampaikan ucapamannya yang bertajuk "Ke Arah OIC Yang Diperharui: Agenda Bagi Keamanan dan Kemakmuran." -- BERNAMA

MAM KTC ZK